

10/09/2000

Tolonglah ... aku tak mahu tengok cerita Melayu!

ADA yang bertanya, apakah pentingnya kewujudan projek mega bernilai RM3 bilion Perkampungan Hiburan atau E-Village, yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu, terhadap industri hiburan tanah air.

Kalangan ini bimbang, perkampungan yang menyediakan prasarana produksi paling canggih, hebat dan menakjubkan itu, hanya akan menjadi gajah putih.

Barangkali elok juga pembaca budiman membaca catatan kolumnis kita, Shuhaimi Baba melalui ruangan Zoomnya (lihat muka 11) mengenai perkara ini kerana apa yang diperkatakan ada kebenarannya. Sentimen sutradara ini sebenarnya turut dikongsi seorang lagi pengkritik filem dan penggiat teater, A Wahab Hamzah.

Dalam satu forum Filem, Hiburan dan Seni Pintar anjuran Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (UM) baru-baru ini, dia berpendapat, unsur yang penting ialah pengisian E-Village dan ia seharusnya digunakan sebagai alternatif untuk menggerakkan minda karyawan kita.

Katanya, "Jika ingin bersaing, kita perlu mencari alternatif. Filem harus digerakkan dengan pembacaan berterusan. Filem berkualiti tinggi dinilai daripada mutu pengarahannya, cerita dan akhirnya baru dibantu dengan teknologi canggih. Yang penting idea."

Apa pun, yang diperkatakan mengenai E-Village, teman berpendapat, kewujudannya sekurang-kurangnya mengangkat martabat industri hiburan di tanah air kita, dan ia mampu menjadi satu industri yang menjana pendapatan lumayan.

Idea bijak pembinaan perkampungan pintar ini - yang membangkitkan nostalgia zaman silam Studio Jalan Ampas yang kini sudah dirobohkan - seolah-olah menjadi jawapan kepada usaha menyelamatkan industri filem Melayu yang berada di ambang amat mencabar.

Meminjam kata-kata pensyarah Jabatan Pengajian Media, Mahadi J Murat, "Sinema Melayu terus tenggelam dalam pembangunan perfileman. Bayangkan, 2,000 judul filem luar dibawa masuk berbanding dua atau tiga filem Melayu yang memasuki pawagam. Program TV pula penuh dengan unsur teka-teki dan tidak dapat membangunkan industri perfileman negara."

Bercakap mengenai filem Melayu ini, teman sebenarnya pening-pening lalat juga. Bagaimana mahu meyakinkan orang kita sendiri untuk mengeluarkan sedikit wang mereka ke pawagam menonton filem Melayu?

Entahlah! Baru-baru ini jenuh teman mengajak seorang sahabat menonton filem Leftenan Adnan kerana mengikut anak buah teman, filem itu berbaloi dan tidak mengecewakan. Beberapa bulan lalu teman mengajak sahabat yang seorang lagi melihat Anaknya Sazali, tetapi gelengan kepala sahabat tadi jelas menunjukkan dia tidak berminat langsung.

Apabila ditanya jawapannya, "Tolonglah... aku tak mahu tengok cerita Melayu!" Apabila didesak lagi, dia cuma membisu. Tetapi bahasa tubuhnya - mengangkat bahu dan mencebikkan bibirnya - jelas menunjukkan filem Melayu tidak mampu meraih minatnya.

Teman pernah juga berkata sikap negatifnya itu tidak langsung membantu industri filem kita. Sekurang-kurangnya, tunjukkanlah sikap menyokong filem Melayu. Kalau kita sendiri tak sokong, siapa lagi yang akan berbuat demikian. Jawabnya balik, "Selama mana filem Melayu mahu mempertaruhkan isu memberi sokongan saja sedangkan produksinya tidak pernah meningkat?" Entahlah, jika ramai yang mempunyai pandangan seperti sahabat teman ini, susah juga. Barangkali cadangan Mahadi seterusnya perlu kita renung

bersama. Katanya, "Tiga elemen dikenal pasti dapat menghidupkan semula industri perfileman yang semakin malap.

Unsur pertama, kalangan khalayak filem perlu ada tujuan, cendekiawan perfileman mencari jalan meningkatkan mutu dan petugas media bertanggungjawab dalam kerja promosi."

Saudara Mahadi, media sentiasa memberi sokongan dan bertindak adil kepada karyawan kita kerana seperti Mahadi, teman juga sedih apabila dunia filem kita masih belum merdeka walaupun sudah 43 tahun negara mengecapi kemerdekaan. Memang benar, televisyen dan komputer kini berjaya menembusi pasaran, tetapi filem Melayu masih di takuk lama. - hanizam@bharian.com.my

(END)